

# MDTampin



Web : [www.mdtampin.gov.my](http://www.mdtampin.gov.my) | eMail : [mdt@mdtampin.gov.my](mailto:mdt@mdtampin.gov.my) | Tel : 06-4411601/609 | Faks : 06-4413001

*Tampin Indah Bersih Selamat*



**LA 21: MEMUPUK SEMANGAT KERJASAMA**





## Editorial

### Penasihat

Tuan Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang  
Yang DiPertua MDT

### Ketua Penyelaras

Abdull Quddus Bin Nordin  
Setiausaha MDT

### Editor

Nurrulliza Bte Hassan  
Mohd Firdaus Bin Haron

### Pembantu Editor

Mohd Zaidi Bin Amir Hamzah  
(Bhg. Perancang)

Nornyini Bte Ibrahim  
(Unit Audit Dalam)

Noridah Bte Hj. Nawi  
(Bhg. Pentadbiran)

Hidayatul Nadiah Bte Hairudin  
(Bhg. Penilaian)

Norliza Bte Md Isa  
(Bhg. Pentadbiran)

Khairul Fitri Bin Kahar  
(Bhg. Penguatkuasaan)

Aizat Bin Idris  
(Bhg. Teknologi Maklumat)

Izul Addin Bin Dzulkifli  
(Bhg. Kewangan)

Hamizah Bte Othman  
(Bhg. Kejuruteraan)

Che Nawar Zinnirah Bte Che Saupi  
(Bhg. Undang-Undang)

Mohd Rizal Bin Abd Rashid  
(Bhg. Perlesenan)

Mohd Hafiz Bin Mohamad .....  
(Bhg. OSC)

Soephiah Munirah Binti Shamsudin  
(Pelajar Praktikal)

## Ucapan Aluan Yang DiPertua MDT



**Tn. Hj. Mohamed Roduan bin Ujang**  
Yang DiPertua  
Majlis Daerah Tampin

Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana di bawah rahmat dan inayah-Nya kita masih lagi diberi kesempatan untuk bersama bekerja bagi memajukan daerah Tampin ini. Harapan saya agar pada tahun ini daerah Tampin akan menjadi lebih terkenal di peringkat negeri dan kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah jabatan yang menjadi tunjang kerajaan dibarisan hadapan, kita perlu melakukan yang terbaik untuk kepuasan pelanggan dan rakyat umumnya. Perkara ini pastinya menuntut supaya kite melakukan perubahan untuk membentuk budaya baru yang mengutamakan inovasi serta kreativiti. Kita perlu berubah dari kaedah tradisional kepada pendekatan moden agar sistem penyampaian kerajaan menjadi lebih efisien, cepat dan praktikal

Akhir kata, saya amat berharap agar semua warga Majlis Daerah Tampin akan sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik demi menjamin kesejahteraan Daerah ini dan Malaysia umumnya.

SEKIAN.

“Tampin Indah Bersih Selamat”.





### *Program Kebun Komuniti (Local Agenda 21) 2015*

Program yang berlangsung pada 6 Jun 2015 ini merupakan kesinambungan daripada program kebun komuniti yang diadakan di Taman Sungai Gemas pada 17 Januari 2015 lalu. ADUN Kawasan Gemencheh, YB Tuan Mohd Isam Bin Mohd Isa telah berbesar hati untuk merasmikan program tersebut di Dataran Mini Gemencheh. Program ini bertujuan untuk mengajak penduduk-penduduk di kawasan perumahan untuk mewujudkan sebuah persekitaran hijau di kawasan kejiranan mereka.

Program ini mendapat sambutan memberangsangkan dari penduduk setempat. Ia dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti seperti pembersihan kawasan persekitaran dan penanaman pokok hiasan serta program pengkomposan baja takakura untuk kebun komuniti. Selain itu, terdapat khemah-khemah pameran hasil tanaman daripada program kebun komuniti serta khidmat nasihat penanaman oleh Jabatan Pertanian Daerah turut diadakan. Program sampingan iaitu demonstrasi masakan dan bunga hiasan turut memberi ruang kepada pengunjung yang berminat bagi menambah pengetahuan.







### *Pembaharuan Persijilan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S*

Pengauditan bagi pembaharuan pensijilan 5S oleh pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) telah diadakan pada 12 Jun 2015 yang lepas. Ini adalah pembaharuan persijilan untuk tahun yang ke-3 berturut-turut bagi MDT. Majlis penerangan oleh jawatankuasa 5S MDT diketuai Pn. Nurul Hayati Bte Zulkafli telah berlangsung jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Zamrud, pejabat MDT. Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Yang DiPertua MDT Tn. Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang dan Setiausaha MDT En. Abdull Quddus Bin Nordin dan ketua-ketua bahagian MDT. Syukur ke hadrat Illahi kerana MDT Berjaya memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding persijilan sebelumnya. Terima kasih diatas komitmen tinggi kesemua warga MDT didalam menjayakan 5S.



### *Sukan 3 Penjuru Bowling*

Pada 6 Mac 2015 yang lalu telah berlangsungnya Kejohanan Bowling diantara Pejabat Daerah Tampin, Pejabat Daerah Kecil Gemas dan Majlis Daerah Tampin. Kejohanan telah berlangsung di Melaka International Bowling Center, Ayer Keroh, Melaka. Para peserta berjaya mempamerkan kehebatan setiap pasukan dalam sukan bowling ini. Mereka bersama-sama berentap bagi merebut gelaran juara kejohanan yang julung kali diadakan. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Tn. Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang iaitu Pegawai Daerah Tampin juga merangkap Yang DiPertua Majlis Daerah Tampin. Kejohanan tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha MD Tampin, En. Abdull Quddus Bin Nordin. Sekalung tahniah diucapkan kepada para pemenang.





### *Kejohanan Sukan PBT Negeri Sembilan*

Pada 17 hingga 18 April 2015 yang lalu, Majlis Daerah Tampin(MDT) telah menyertai Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sembilan yang berlangsung di Majlis Daerah Jelebu. Kejohanan telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Jalaluddin Bin Alias selaku Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Sembilan. Di kejohanan tersebut, Majlis Daerah Tampin telah mengambil bahagian dalam kesemua acara yang dipertandingkan. Pasukan karom berpasukan dan dart berpasukan MDT telah berjaya meraih tempat ketiga dan keempat dalam acara masing-masing. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua peserta yang mengambil bahagian dan urusetia yang telah terlibat didalam kejohanan tersebut.

Majlis penyerahan bendera Kejohanan Sukan PBT Negeri Sembilan kepada tuan rumah 2016 iaitu MDT turut dijalankan. Majlis tersebut disempurnakan dengan penyerahan bendera rasmi kejohanan oleh YDP Majlis Daerah Jelebu kepada Tn. Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang, YDP MDT. Beliau sempat menyampaikan amanat kepada semua peserta dengan harapan kejohanan ini dapat menaikkan lagi semangat kesukanan dan setiakawan di kalangan kakitangan PBT-PBT yang bertanding. Di samping itu, beliau turut berharap dengan kejohanan yang bakal berlangsung di Tampin ini akan dapat melonjakkan lagi nama Daerah Tampin di Negeri Sembilan. Selamat Datang Ke Tampin 2016.







### *Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Daerah Tampin*

Bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara agensi kerajaan di Tampin, satu perhimpunan bulanan telah diadakan di Kompleks Pejabat Daerah & Tanah Tampin. Pegawai Daerah Tampin, Tn. Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang telah menyampaikan ucapan beliau dalam majlis tersebut. Didalam ucapan beliau berharap agar semua agensi dapat memberikan komitmen yang tinggi dalam memajukan kawasan Tampin sebagai satu daerah yang bukan sahaja terkenal di Negeri Sembilan malahan di peringkat antarabangsa.



### *Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MDT*

Pada 6 Mac 2015 lalu, bertempat di A'Famosa Golf Resort, Alor Gajah, Melaka telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Perlantikan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tampin. Seramai 11 orang ahli majlis baru telah dilantik. Ahli-ahli majlis yang dilantik adalah terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai parti politik. Mereka yang dilantik adalah YB Tuan Mohd Isam Bin Md Isa (ADUN Gemencheh), YBhg Dato' Hj. Mohd Kamil Bin Hj. Abdul Aziz, Tn. Hj. Mohd Hanafi Bin Deris, En. Khoo Siew Kim, En. Ainol Bin Ghafar, En. Pang Yet Siong, En. Talip Bin Said, En. Raja A/L Veerapan, Cik Tuo Bee Har, Tn. Hj. Razali Bin Abd. Jalil dan En. Chua Heng Kiat.





*Majlis Meraikan Pesara MDT*

MDT telah mengadakan satu majlis khas bagi meraikan kakitangan-kakitangan MDT yang telah bersara pada 29 Mei 2015 yang lalu. Majlis tersebut diadakan bagi memberi penghargaan kepada kakitangan-kakitangan MDT yang telah sekian lama menabur bakti kepada jabatan. Majlis dihadiri oleh YDP MDT iaitu Tn. Hj. Mohamed Roduan Bin Ujang serta Setiausaha MDT En. Abdull Quddus Bin Nordin, pegawai-pegawai dan semua kakitangan MDT. Diantara yang bersara pada tahun ini ialah En. Abdul Talib bin Aman dan Tn. Hj Nor Mohamed bin Hj. Hussein, Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran yang juga bekas ketua bahagian perlesenan dan kesihatan MDT. Sedikit cenderamata ikhlas daripada pihak MDT sebagai kenangan diberikan kepada semua pesara. Turut diadakan majlis penyampaian bantuan kepada balu mendiang Sukumaran A/L A. Krishnan (kakitangan Bhg. Perancang) yang meninggal dunia baru-baru ini. Takziah diucapkan kepada ahli keluarga mendiang.



*Forum Perdana Hal Ehwal Islam*

Pada tanggal 2 April 2015 yang lalu telah berlangsung Majlis Forum Perdana Ehwal Islam yang diadakan di Stadium Mini Tampin. Forum yang bertajuk 'AMANAH DALAM ILMU' itu menampilkan pendakwah terkenal iaitu YBhg. Ust. Haryanto Rizal Rokman. Turut bersama panel pada malam itu ialah pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Ust. Dr. Izhar Arif Bin Mohd. Kashim, dan YBhg. Ust. Rizal Bin Ramli dari Jabatan Mufti Negeri Selangor selaku moderator forum. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Bank Muamalat, RTM dan Pejabat Daerah dan Tanah Tampin ini telah dihadiri ramai warga Tampin. Turut mencemar duli ialah YTM Tunku Syed Razman Bin Tunku Syed Idrus Al-Qadri iaitu Tunku Besar Tampin. Sepanjang forum tersebut berlangsung, pelbagai ilmu yang bermanfaat telah disampaikan bagi memantapkan lagi kesatuan ummah menurut syariat Islam. Majlis yang berlangsung bermula 8.45 malam ini tamat kira-kira jam 11.00 malam.





### *Majlis Sambutan Ramadhan Al-Mubarak*

12 Jun 2015 : Sempena dengan kedatangan bulan Ramadhan Al-Mubarak yang lalu telah diadakan majlis bacaan Yasin dan Tahlil di Dewan Bandaran Tampin. Pegawai dan kakitangan daripada Majlis Daerah Tampin, Pejabat Daerah & Tanah Tampin dan agensi-agensi kerajaan di Daerah Tampin turut serta mengimarahkan majlis tersebut yang dipimpin Imam Masjid Jamek Tunku Besar Tampin, AF Imam Hj Abd Ghani bin Kaeh . Majlis yang bermula seawal jam 8.30 pagi ini berakhir kira-kira jam 11.00 pagi.



### *Lawatan Sambil Belajar*

11 Mac 2015 : Seramai 26 orang pelajar diiringi 2 orang pensyarah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Chembong, Rembau telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Majlis Daerah Tampin. Ketibaan rombongan ini disambut En. Azmir Bin Jaafar , Penolong Jurutera di Bahagian Pusat Setempat (OSC) bersama kakitangan bahagian. Para pelajar telah diberi penerangan tentang fungsi bahagian OSC, prosedur permohonan kelulusan pelan bangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diberikan. Gambar kecil, En. Mohd Hafiz sedang memberi penerangan secara terperinci kepada pelajar IKBN Chembong.

Like us on   
**facebook**

**@MAJLIS DAERAH TAMPIN**